

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 JANUARI 2024  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

### Kemas kini maklumat pengguna tanpa eKYC

## Kemas kini maklumat pengguna tanpa eKYC

**PETALING JAYA** — Pengguna yang ingin mendaftar di Sistem Pengkalan Data Utama (PADU) boleh membuat kemas kini maklumat tanpa melalui proses Ke-nali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (eKYC).

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kemas kini terbaru itu dibuat bagi melancarkan proses mengemas kini maklumat individu selepas mengambil maklum beberapa isu berbangkit.

"eKYC hanya dilaksanakan setelah pengemaskinian maklumat dilaksanakan dan individu ingin membuat pengesahan dan perakuan penghantaran profil.

"Sebarang maklumat yang diisi tanpa eKYC yang disahkan

tidak akan diintegrasikan ke dalam PADU. Hanya maklumat yang dikemukakan dari pengguna yang telah berjaya pengesahan eKYC dikira sah," katanya.

Pendaftaran PADU merekodkan jumlah pengguna berdaftar sebanyak 233,782 setakat pukul 10 pagi semalam.

Selain itu, katanya, mengenai aduan mengisi butiran isi rumah, PADU secara umum direka bentuk bagi memusatkan maklumat setiap individu yang bertaraf warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia.

"Jadi, setiap individu berusia 18 tahun dan ke atas perlu mempunyai akaun individu sendiri.

"Bagi tujuan pembentukan isi

rumah, individu yang berada di bawah satu isi rumah perlu dimasukkan di bawah satu isi rumah bersama ahli lain termasuklah mereka berusia di bawah 18 tahun dan bukan warganegara.

"Hanya ketua isi rumah sahaja dibenarkan membuat pengemaskinian. Perakuan bagi ahli isi rumah hanya boleh dibuat apabila ketua isi rumah telah sele-sai mengisi maklumat isi rumah masing-masing," jelasnya.

Katanya, nombor telefon sama boleh digunakan lima kali bagi memudahkan pendaftaran individu yang merupakan ahli isi rumah atau ibu bapa yang tidak memiliki telefon untuk membuat pendaftaran akaun PADU.



RAKYAT Malaysia berumur 18 tahun ke atas perlu mendaftar PADU dan mengesahkan 39 maklumat diri yang diperlukan. — GAMBAR HIASAN